

28/06/1998

BN benteng pertahanan ekonomi: PM

Zulkofli Jamaludin; Nurul Adlina Kamaludin

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin Barisan Nasional (BN) tetap mampu menjadi benteng mempertahankan ekonomi negara selagi anggotanya mengekalkan kestabilan parti masing-masing dan tidak terpengaruh dengan propaganda asing.

Justeru, kata Perdana Menteri, amat penting semua 14 parti komponen BN bersatu hati dengan satu wawasan serta bersama memikirkan kepentingan negara.

Dr Mahathir berkata, parti komponen BN tidak boleh membiarkan dirinya dipengaruhi tuduhan jahat seperti kononnya kerajaan mengamalkan kronisme, kroni-kapitalisme dan nepotisme.

"Selagi komponen BN kuat dan memberi sokongan padu, kerajaan akan kuat untuk mempertahankan negara dan mengelak sebarang usaha untuk menakluk negara.

"Kita akui masalah ekonomi ini amat berat dan sukar diatasi tetapi sehingga kini kita boleh mempertahankannya kerana kestabilan politik kita masih kukuh," katanya merasmikan Persidangan Perwakilan Gerakan di sini, semalam.

Turut hadir Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, Setiausaha Agung BN, Datuk Seri Mohamed Rahmat dan pemimpin parti komponen BN.

Dr Mahathir berkata, percubaan untuk menjatuhkan kerajaan tidak akan memberi kesan selagi tuduhan seperti itu hanya dihebohkan orang luar.

Sebaliknya, kata Perdana Menteri, kestabilan politik negara akan tergugat apabila rakyat sendiri terpengaruh dengan propaganda asing itu.

"Justeru, kita harus berhati-hati kerana walaupun tidak ada konspirasi tetapi ada usaha untuk menguasai ekonomi kita," katanya.

Dalam ucapan 30 minit itu, beliau juga berkata, sebenarnya Amerika Syarikat yang mengamalkan kronisme dengan memberi kerjasama dan melindungi Wall Street untuk menakluk dunia menerusi pengambilan syarikat dan bank seperti di Korea Selatan, Thailand dan Indonesia.

"Ini bukan pendapat saya tetapi dilaporkan dalam satu artikel mengenai pakatan tentera dan industri yang dikeluarkan di negara itu," katanya.

Perdana Menteri berkata, kegawatan ekonomi sebenarnya bukan disebabkan kegagalan pemerintahan dan dasar kerajaan.

"Kalau kita mengamalkan kromisme, mengapa negara kita membangun dengan baik.

"Yang menjadi cacat hanya pada 1969, itu pun kita dapat atasi sendiri tanpa bantuan negara lain.

"Kita membangunkan negara dengan membentuk dasar yang memberi hak kepada semua pihak dengan cara yang lebih adil.

"Negara aman dan kita membangun sehingga dalam tempoh 10 tahun pertumbuhan melebihi lapan peratus setahun," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan juga tidak merampas hak orang kaya, sebaliknya pengagihan kekayaan untuk semua kaum dapat dilakukan hasil pertumbuhan ekonomi negara.

"Itulah kejayaan kita hasil pemerintahan Barisan Nasional.

"Parti lain tidak berupaya kerana mewakili satu kaum sahaja.

"Umpamanya, Pas mewakili orang Islam sahaja, tetapi bukan semua orang Islam menyertai Pas.

"Begitu juga DAP yang dikatakan terbuka kepada semua kaum, tetapi terbuka kepada satu keluarga sahaja," katanya.

Malah, kata Dr Mahathir, parti yang sama bercakap mengenai tindakan

demokrasi tetapi pemimpin tidak boleh ditukar dan ahli pula disekat daripada bercakap.

Bercakap kepada pemberita selepas itu pula, Perdana Menteri berkata, slogan Gerakan - satu hati, negara dan wawasan, bukan saja untuk diamalkan ahli parti itu, tetapi semua komponen BN.

"Kita perlu belajar untuk bersama dan bersatu, walaupun berbeza kaum.

"Kalau kita tidak bersatu, negara tidak akan stabil," katanya.

Sambil memberi contoh ketika pihak asing meminta beliau meletak jawatan, Dr Mahathir berkata, semua pihak bersatu dan berdiri di belakangnya dengan menyatakan pihak asing tidak boleh membuat keputusan untuk rakyat negara ini.

(END)